

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1996/97

Oktober/November 1996

HKA 101/NSK 001 Pengantar Kesusasteraan

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM LIMA [5] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan sahaja, SATU [1] soalan dari setiap bahagian A, B, C dan D.

Bahagian A

1. Bincangkan dua daripada teori asas kesusasteraan berikut dan kemukakan kekuatan serta kelemahan masing-masing:

- [i] Teori Peniruan (*the theory of imitation*)
- [ii] Teori Kesan (*the theory of effect*)
- [iii] Teori Perasaan (*the theory of expression*)
- [iv] Teori Struktur (*the theory of structure*).

Bahagian B

2. Bincangkan secara kritis pendekatan psikologikal di dalam kritikan sastera. Berdasarkan kepada pendekatan tersebut, kemukakan kritikan anda terhadap cerpen "Kentut" oleh Shahnnon Ahmad.
3. Berdasarkan pendekatan kritik feminis (*feminist critique*), bincangkan imej wanita di dalam sajak "Janda Setinggalan" oleh A. Samad Said (rujuk lampiran). Jelaskan bagaimana unsur bahasanya dapat memantapkan imej wanita itu.
4. Kesuraman hidup dan keindahan yang tersia-sia merupakan gambaran yang menyelubungi novel Snow Country (Desa Salji). Merujuk kepada kenyataan ini, bincangkan perhubungan di antara latar dan perwatakan Komako serta Shimamura seperti yang digarap oleh Yasunari Kawabata di dalam novelnya ini.

....2/

Bahagian C.

5. Jelaskan pandangan Wellek dan Warren tentang “Kesusasteraan dan Biografi” dalam buku mereka Teori Kesusasteraan. Pada pendapat anda sejauhmanakah pendekatan Biografi berkesan untuk mendekati sesebuah karya sastera?
6. Bincangkan kedudukan aliran Realisme dalam sejarah perkembangan kesusasteraan dunia. Berikan sebab-sebab mengapakah aliran itu boleh bertahan lebih lama berbanding dengan aliran-aliran lain.

Bahagian D.

7. Berdasarkan cerita “Si Luncai” dalam Cerita Jenaka yang telah anda kaji, kemukakan satu pandangan yang kritis dengan menggunakan pendekatan sosiologikal.
8. Bincangkan beberapa persoalan penting yang diketengahkan oleh Noordin Hassan dalam dramanya “Tiang Seri Tegak Berlima.” Dengan menggunakan alasan yang kukuh, buktikan bahawa “Tiang Seri Tegak Berlima” adalah sebuah drama yang baik?

....LAMPIRAN A

....3/

LAMPIRAN A

Janda Setingan

Hari lahirnya Jumaat lalu

lipan menyengat telunjuk kirinya.

Dan dalam matanya yang letih berpusar
asap dan debu. Dunianya amat sedu.

Sesekali angin berang merentap baju
di tengkuknya terserlah pulau panau.

Derita kembali menderu.

Katanya: Derita itu aku.

Dirinya cemas diterjah usia

dalam kabus belasungkawa -

dia terngigau hampir seminggu

diancam lipan, angin dan debu yang sama.

Desa bahagia, derita.

Katanya: Derita itu aku.

Antara jamban dan dapur

di sisi parit tohor

hari mukanya sabut, tin dan lumpur.

Kalut mega direnungi; kenyt

kilat tak berbunyi. Memang telinga
kirinya kini tuli.

Terjulus pegaga segar dan

ketip ketam cergas mencakar

dari bakul kenangannya:

sanggul-molek-punggung-cantik

ulam kehidupan zaman penjajah

terlucut colinya suatu pagi

dia dicantasi janji lelaki -

dirinya bukan perawan lagi.

Cinta dan sejarah

mencakar langsir dan mencekau pintunya

menyembur bara mantera

....LAMPIRAN A

....4/

LAMPIRAN A

“Aku teringat pandang pertama.”¹
Untuk apa? Hingga bila?

Dihantarnya rayu-resah Sanisah Huri
diterimanya lesu-lara dendang R. Azmi
simfoninya rimba duri
disergah arus mimpi.
Dia yakin di situ
segala tersumpah sebagai batu;
menjadi lebih pasti, sesekali
disentap semboyan kereta api.
Dalam dakapan cubit tak sakit
dia tertipu empat kali
dia setingan janda berganda
tercemar di belakang kereta.

Tapi, mimpi akhirnya pangsapuri
taman-mini-kolam-mandi
geli hatinya sepagi, kerana
dirinya bas mini
mendesah ke Dayabumi
bersaing rezeki. Dan
sejak anak tunggalnya mati
hikayatnya gunung ngeri,
kehidupannya puisi elegi.

Lalu, di larik bibir
gincu tak seri;
di bawah kenanga
bau tak wangi;
di sisi lampu
bayang tak jadi.
Dia diejek usia, diserapah cinta
empat kali dia terbelah.

¹ Larik lirik “Hitam Manis” nyanyian R. Azmi.

LAMPIRAN A

Disadari dirinya janda
dijerat rindu -
perahu sepi diagah sunyi
antara Bidong dan Langkawi.
Dia belajar bahagia
di sisi lilin dan kucing yang lara.

Jumaat lalu, di tengah gempa Armenia,
dirai hari lahirnya -
bertunda rekod R. Azmi, kaset Sanisah,
berlumba kenangan meracuninya.
Dia terbiasa -
dalam cahaya malamnya siang,
dalam gelita siangya malam.

Dan kini semakin
payah dikenalnya bila
jantan insan-hewani, bila
pula hewan-insani.
Lelaki tak dipercayai lagi.

Senja itu bergilir tetangga
menghadapnya - sedu dalam ayat syahdu.
Dan ketika racaunya sampai ke puncak
tujuh kali dia tersentak.
Darah, najis dan muntah saling mengasak.
Dalam biliknya berdinding akhbar,
tingkap berkiut, lantai berlumut
dia mengucap semput.
Tercungap. Tersentak. Terhenti.
Matinya di sisi sisa nasi,
rehal retak, subang pengantin, foto anak.

Tak mungkin jantan menipunya lagi!

16 - 24 Disember 1988

-ooo000ooo-